

25/08/1998

Perodua keluar 700 unit Kembara setiap bulan

PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) akan mengeluarkan kira-kira 700 unit sebulan Kembara mulai bulan depan untuk memenuhi permintaan pelanggan, kata pengarah urusannya, Datuk Abdul Rahman Omar.

Menurutnya, jualan kenderaan pacuan empat roda itu menggalakkan tanpa Perodua perlu berbelanja secara berlebihan untuk menarik tempahan.

Beliau berkata, pada masa ini, pembeli Kembara perlu menunggu sebulan hingga sebulan setengah bagi mendapat kenderaan mereka.

"Kami berharap Kembara akan membantu kami meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan ekonomi yang amat sukar ini," katanya selepas previu Kembara kepada wartawan tempatan di Sungai Buloh, Selangor, baru-baru ini.

Kembara dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur, semalam.

Abdul Rahman berkata, sasaran Perodua adalah menjual antara 600-1,000 unit Kembara setiap bulan, iaitu 44 peratus daripada pasaran kenderaan pacuan empat roda di Malaysia. Berdasarkan kepada pengeluaran 420 unit sebulan, syarikat itu dapat mengumpul stok 250 unit pada hari pelancarannya, semalam.

Menurut Abdul Rahman, nama Kembara dipilih sendiri oleh Dr Mahathir daripada enam nama yang disaring dan diserahkan kepada beliau. Beliau berkata, Perodua sudah melabur sebanyak RM46.5 juta bagi mengadakan bahagian pengeluaran Kembara itu.

Kenderaan berkuasa 1.3 liter itu diletakkan sebagai kenderaan penggunaan sukan dan sasaran pelanggannya berumur daripada 28 hingga 40 tahun dengan pendapatan bulanan antara RM3,000 dan RM5,000. Sebanyak 60 peratus daripada pembelinya dijangka lelaki.

Kenderaan itu dijual pada harga RM45,898.00 sebuah bagi Kembara EX dengan warna solid, RM49,815.65 bagi Kembara GX dengan warna metalik dan RM52,139.19 bagi Kembara automatik EZ dengan warna metalik.

Kembara adalah hasil daripada perubahan komestik oleh Perodua berdasarkan kepada Daihatsu Terrios yang diperkenalkan di Jepun.

Abdul Rahman juga berkata Perodua dijangka memutuskan pada November atau Disember ini bagi memperkenalkan dua atau lebih model lagi. Sehingga 31 Julai 1998, hampir 200,000 unit Kancil dan Rusa sudah dijual.

"Produk akan datang kami adalah kereta penumpang di bawah 1,000 cc dan kenderaan utiliti sehingga 2,000 cc atau yang lebih besar," katanya.

Perodua juga bercadang untuk memasang penyembur cat robotik Disember ini di kilangnya di Serendah untuk menggantikan penyembur cat automatik yang musnah dijilat api baru-baru ini.

(END)